

8) LANTIKAN EJEN PENGURUSAN

Adun : Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2025)

Sub soalan :

- a) Senaraikan setiap skim strata (kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana) yang tidak mempunyai MC atau JMB aktif dan masih belum dilantik ejen pengurusan mengikut PBT di Negeri Selangor.**

Untuk makluman Yang Berhormat, skim strata pangsapuri kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana yang tidak mempunyai MC atau JMB aktif dan tiada ejen pengurusan mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor adalah berjumlah 1,797 skim. Perincian skim strata JMB/MC yang tidak aktif dan tiada ejen pengurusan mengikut PBT adalah seperti di lampiran.

Senarai setiap skim strata pangsapuri kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana akan dikemukakan kepada pihak Yang Berhormat melalui surat atau e-mel kerana terdapat PBT yang masih dalam pengemaskinian perincian senarai nama pangsapuri terlibat.

**STATISTIK PENGURUSAN PANGSAPURI (JMB/MC) YANG TIDAK AKTIF DAN TIADA EJEN PENGURUSAN
MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DI NEGERI SELANGOR**

		SKIM PANGSAPURI		
BIL	PBT	KOS RENDAH	KOS SEDERHANA RENDAH	KOS SEDERHANA
1	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	49	19	0
2	MAJLIS BADARAYA PETALING JAYA	87	0	112
3	MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA	63	18	89
4	MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG	39	6	9
5	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	58	120	0
6	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	44	0	0
7	MAJLIS PERBDARAN KAJANG	268	69	708
8	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	3	13	4
9	MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT	3	5	10
10	MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR	1	0	0
11	MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR	0	0	0
12	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN		615	250	932

Nota : Data telah disediakan oleh COB PBT Negeri Selangor